

PM: UMNO akan ambil tindakan undang2

Oleh
Badrul Azhar Rahman

MELAKA 16 April — UMNO akan mengambil tindakan undang-undang jika langkah Dewan Undangan Negeri Kelantan menghadapkan kedua-dua wakil rakyatnya kepada Jawatankuasa Terpilih didapati menghina mahkamah, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hariini.

Presiden UMNO itu juga menolak dakwaan kerajaan Pas Kelantan kononnya tindakan mereka menghadapkan kedua-dua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) kepada Jawatankuasa Terpilih adalah sebagai memenuhi kehendak rakyat.

Menurutnya, tindakan itu tidak langsung membayangkan kehendak rakyat, sebaliknya ia seolah-olah tidak menghormati undang-undang.

Dr. Mahathir menyatakan demikian kepada para pembedita selepas merasmikan kilang Hualon Corporation Sdn. Berhad di Tangga Batu, di sini.

Dewan Undangan Negeri Kelantan Isnin lalu meluluskan

usul tergepar untuk menghadapkan kedua-dua wakil rakyat BN, Nordin Salleh (Sungai Pinang) dan Wan Mohd. Najib Wan Mohamad (Limbungan) kepada Jawatankuasa Terpilih atas tuduhan membohongi pengundi-pengundi di kawasan mereka dan mencemar Dewan.

Jika didapati bersalah kedua-dua wakil rakyat itu boleh digantung daripada menghadiri sidang Dewan bagi suatu tempoh yang akan ditetapkan oleh jawatankuasa tersebut.

Perdana Menteri menjelaskan, Pas mendakwa mereka menghormati undang-undang tetapi apakah tindakan mereka baru-baru ini boleh dikatakan menghormati undang-undang.

"Kita mungkin terpaksa membawa perkara ini ke mahkamah jika didapati tindakan tersebut jelas tidak menghormati keputusan mahkamah," ka tanya

Menurutnya, jika Pas memenuhi kehendak rakyat, mereka

patut awal-awal lagi memberitahu bahawa seseorang yang melompat parti akan disingkirkan keanggotaan mereka sebagai wakil rakyat.

"Tetapi perkara ini tidak berlaku, malah selepas dipilih baru mereka hendak buat undang-undang menidakkan hak wakil-wakil rakyat dan menidakkan hak rakyat," tambahnya.

Beliau membidas kerajaan Pas Kelantan kerana pada suatu masa mendakwa menghormati mahkamah dan pada suatu masa lain bertindak untuk menafikan keputusan mahkamah.

"Ini hipokrit...munafik," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO akan datang mungkin membincangkan soal tindakan kerajaan Kelantan itu.

Ditanya tentang tindakan Badan Perhubungan UMNO Sabah untuk membawa ke mahkamah masalah undang-undang yang menghalang wakil-wakil rakyat lompat parti, beliau berkata: "Kita belum bincang lagi perkara itu."